



SUARA Komuniti menengahkan masalah rakyat dan akhbar ini akan membantu pembaca mendapatkan maklum balas pihak berwajib. Sila hantarkan aduan anda ke Suara Komuniti Berita Harian, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur atau e-mel ke suarakomuniti@bharian.com.my.

KOC wanita yang disediakan oleh KTMB untuk keselesaan penumpang wanita. 5/4 20/6/12 MS 22.

# Koc khas untuk wanita 'ditawan' 20 lelaki

**?** SEBAGAI pengguna pe-  
ngangkutan awam, saya  
mengharapkan suasana  
selesa ketika menggunakan-  
nya. Bagaimanapun harapan  
tidak kesampaian apabila  
menaiki koc M9253 iaitu koc  
komuter khusus untuk wani-  
ta ketika dalam perjalanan  
dari KL Sentral ke Rawang  
pada jam 8 malam, 10 Jun  
lalu.

Sebaik melangkah masuk  
ke koc berkenaan, ruang  
yang ada dipenuhi 20 lela-  
ki yang berdiri dan duduk



*20 lelaki yang bukan  
saja berdiri, malah ada  
yang duduk tanpa  
menghiraukan kehadiran  
penumpang wanita yang  
sepatutnya lebih layak  
berada dalam  
koc berkenaan* ”

tanpa menghiraukan kehadi-  
ran penumpang wanita yang  
sepatutnya lebih layak berada  
dalam koc berkenaan.

Mohon kerjasama pihak  
Keretapi Tanah Melayu  
Berhad (KTM Berhad)  
mengetatkan penguatkua-  
saan penggunaan koc khusus  
untuk wanita ini kerana ia  
mewujudkan suasana tidak  
selesa kepada penumpang  
wanita.

PENGGUNA KOMUTER,  
Rawang.

**K**TM Berhad sentiasa  
komited untuk memas-  
tikan keselesaan semua  
penumpang. Ini dapat dili-  
hat daripada usaha kami  
yang terkini iaitu menu-  
gaskan anggota polis bantu-  
an KTMB di dalam Koc  
Wanita.

Tidak dinafikan menguat  
kuasa koc wanita pada hari  
hujung minggu memang  
lebih mencabar daripada  
hari bekerja biasa kerana  
pengguna menaiki komuter  
bersama pasangan dan ahli

keluarga serta juga remaja  
yang menaiki tren berkum-  
pulan dengan rakan.

Walau bagaimanapun,  
usaha pemantauan tetap  
diberi perhatian pihak  
kami. Oleh itu, KTM Berhad  
memohon kerjasama semua  
pengguna untuk menghorm-  
ati peraturan yang ada  
 demi keselesaan pengguna  
yang lain.

UNIT KOMUNIKASI  
KORPORAT,  
KTM Berhad.